

BILANGAN 22 MEMASTIKAN DAN MEMUSATKAN

kemahiran-kemahiran hidup
 memastikan agar para pelajar
 memperoleh nilai-nilai dan
 kemahiran-kemahiran yang
 kukuh yang membentuk
 mereka sebagai orang dewasa
 yang bertanggungjawab dan
 warganegara yang aktif.
 Ianya terdiri daripada kurikulum
 bukan akademik.

BULATAN YANG DALAM memusatkan
 terhadap kemahiran-kemahiran hidup
 memastikan agar para pelajar memperoleh
 nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran yang
 kukuh yang membentuk mereka sebagai
 orang dewasa yang bertanggungjawab dan
 warganegara yang aktif.

Mari kita pusatkan perhatian kita kepada apitan
 me.....kan. Apitan ini berfungsi untuk membentuk kata
 kerja transitif dan biasanya perkataan yang terbit
 daripada apitan ini diikuti objek. Contoh:

- 01 memandikan mayat
- 02 menenteramkan keadaan
- 03 meletakkan harapan
- 04 menghadihkan cincin emas

Jadi, perkataan 'memastikan' dan 'memusatkan' dalam
 petikan di sebelah kiri hendaklah diikuti objek. Sekadar
 contoh:

- 05 Pengurus pasukan sentiasa **memastikan** pemain-
pemainnya sihat dan cergas.
- 06 Pihak pengurus hendaklah **memastikan** pekerja-
pekerjanya tekun bekerja.
- 07 Singapura **memusatkan** ekonominya kepada
bidang bioteknologi.
- 08 Anggota Parlimen itu **memusatkan** perhatiannya
kepada kebajikan penduduknya.

Bagaimana halnya dengan petikan tersebut? Saya
 berpendapat, kenyataan itu kurang tepat dan boleh
 mengelirukan pengguna. Kenyataan itu patutnya ditulis:

- 09 Bulatan yang dalam **memusatkan** kemahiran-
kemahiran hidup (berpusat kepada kemahiran-
kemahiran hidup) untuk **memastikan** pelajar
memperolehi nilai dan kemahiran yang kukuh.

Sila beralih ke bilangan 23 bagi melihat kekata **para**
 digugurkan serta kekata nilai dan kemahiran tidak
 mengalami pergandaan.